



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR JEPUN, TYT NORIYUKI SHIKATA KE ATAS MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama (TYT) Noriyuki Shikata, Duta Besar Jepun ke Malaysia, di pejabatnya, hari ini.

Pertemuan peringkat tinggi ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan dua hala yang strategik serta memperincikan deliverables utama sempena lawatan YAB Perdana Menteri ke Jepun pada Jun depan.

Fokus utama perbincangan tertumpu kepada pengimbangan antara pertumbuhan ekonomi dengan sasaran iklim serta pemanfaatan inovasi teknologi. Kedua-dua pihak turut menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama strategik dalam bidang alam sekitar, kelayakan karbon dan unsur nadir bumi (REE).

Perbincangan juga merangkumi usaha memuktamadkan Memorandum Kerjasama (MoC) Komprehensif dan Joint Crediting Mechanism (JCM) yang dijadualkan ditandatangani pada Jun 2026, di samping meneroka kerjasama dalam teknologi dekarbonisasi termasuk pengeluaran bahan api penerbangan mampan di Sarawak.

Selain itu, tumpuan diberikan kepada pembangunan ekonomi kitaran melalui pengurusan sisa elektronik dan pemprosesan produk sampingan minyak sawit, pengukuhan sekuriti tenaga melalui bekalan LNG serta pembangunan industri REE secara mampan dengan sokongan kepakaran teknikal Jepun.

Perbincangan turut menyentuh aspek konservasi dan pertukaran budaya, termasuk usaha pemuliharaan hidupan liar serta kejayaan program pembiakan Tapir Malaysia di Jepun dan penyertaan dalam ekspo hortikultur.

YB Menteri menyatakan keyakinan bahawa perkongsian strategik ini bukan sahaja akan memacu inovasi teknologi, malah memastikan Malaysia kekal sebagai hab serantau bagi pelaburan hijau dan pengurusan sumber asli yang bertanggungjawab.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Datuk Nor Yahati binti Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi serta pegawai-pegawai kanan NRES dan Kementerian Luar Negeri.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

13 APRIL 2026

